Pola Pelaburan Negara-Negara pada Peringkat Pembangunan yang Berbeza

Pendahuluan

Pelaburan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi sesebuah negara kerana ia mengembangkan kapasiti produktiviti modal fizikal dan modal insan. Jumlah pelaburan merangkumi perbelanjaan modal sektor swasta dan awam, dengan peranan sektor awam tertumpu khususnya pada penyediaan infrastruktur asas dan yang perlu untuk menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta. Apabila sesebuah ekonomi itu membangun, pola perbelanjaan pelaburannya berkembang untuk menyokong aktiviti ekonomi yang lebih pelbagai.

Rencana ini menganalisis pola jumlah pelaburan sebagai peratusan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) negara-negara pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza. Melalui analisis pola pelaburan kumpulan negara yang berlainan, rencana ini menilai sama ada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza, diukur melalui pendapatan per kapita nominal, sejajar dengan paras pelaburan tertentu secara relatif kepada KDNK. Bahagian kedua rencana ini membincangkan faktor penyebab kepada penurunan berterusan nisbah pelaburan kepada KDNK apabila sesebuah negara menjadi bertambah maju. Bahagian akhir rencana ini mengupas sama ada wujud trend keseluruhan yang tertentu dan nyata dalam nisbah pelaburan kepada KDNK apabila sesebuah negara itu berkembang daripada ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan tinggi.


Adakah peringkat pembangunan mempengaruhi paras pelaburan?

Analisis nisbah pelaburan kepada KDNK bagi 14 ekonomi dalam Rajah 1 yang berkaitan dengan pendapatan per kapita menunjukkan bahawa tidak ada suatu paras pelaburan umum yang berkaitan dengan mana-mana tahap pembangunan. Negara-negara mempunyai perbelanjaan pelaburan yang berbeza dari segi peratusan kepada KDNK meskipun berada pada peringkat pembangunan yang sama. Sebagai contoh, pada pendapatan per kapita yang sama, iaitu USD1,000, sumbangan pelaburan Malaysia kepada KDNK adalah hampir 22%, Thailand 28%, manakala RR China lebih tinggi pada 35%. Dalam kes-kes tertentu, nisbah pelaburan kepada KDNK sesebuah negara adalah dua kali lebih tinggi berbanding dengan paras yang dicapai oleh negara lain meskipun negara-negara tersebut mempunyai pendapatan per kapita yang secara relatif sama. Misalnya, nisbah pelaburan kepada KDNK Singapura ialah 40% pada pendapatan per kapita USD6,000, yang secara kasar adalah dua kali lebih besar daripada nisbah pelaburan kepada KDNK China Taipei sungguhpun pendapatan per kapita kedua-duanya adalah sama.


Ini menunjukkan bahawa wujud faktor-faktor lain yang mempengaruhi perbelanjaan pelaburan sesebuah negara dari segi peratusan kepada KDNK. Terdapat tiga faktor yang benar-benar penting. Faktor pertama ialah strategi pertumbuhan yang dilaksanakan oleh negara-negara berkenaan. Sebagai contoh, negara yang menggunakan strategi perindustrian berorientasikan eksport yang agresif, yang menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), lebih cenderung mencapai nisbah pelaburan yang lebih tinggi. Proses perindustrian pada amnya didorong oleh pengembangan pesat sektor perkilangan yang lebih berintensif modal kerana ia memerlukan pelaburan sektor swasta yang besar dalam jentera dan peralatan. Di samping itu, apabila proses perindustrian menjadi lebih pesat dan menyumbang kepada paras pendapatan per kapita yang lebih tinggi, paras pelaburan turut meningkat susulan langkah negara berkenaan beralih kepada aktiviti perkilangan nilai ditambah lebih tinggi. Bagi negara yang bergantung pada FDI, nisbah pelaburan yang tinggi mungkin berterusan jika firma asing terus meningkatkan pelaburan permulaan dan melaburkan semula perolehan mereka di negara tempat mereka beroperasi.

Rajah 1
Pola Pelaburan Ekonomi Terpilih


Negara ASEAN terpilih dan RR China



NIE Asia



Negara perindustrian terpilih



Faktor kedua berkaitan dengan peranan sektor awam dalam ekonomi pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza. Pengalaman ASEAN, NIE Asia dan RR China menunjukkan bahawa pelaburan oleh sektor awam adalah tinggi pada peringkat awal pembangunan negara, dan pelaburan terutamanya disalurkan kepada infrastruktur pengangkutan, utiliti dan pendidikan, yang perlu bukan sahaja untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong aktiviti sektor swasta bahkan untuk menarik FDI.


Faktor ketiga yang boleh mempengaruhi nisbah pelaburan kepada KDNK ialah sama ada sesebuah negara itu mempunyai sumber asli atau tidak. Negara yang kurang sumber asli atau tanah, seperti Singapura dan Jepun, mempunyai dorongan yang lebih kuat untuk menarik dan membangunkan industri berintensif modal yang kukuh dan pelbagai. Berbeza halnya dengan negara yang kaya dengan sumber semula jadi yang mungkin mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah kerana tumpuan strategi mereka adalah untuk memanfaatkan kelebihan sumber semula jadi mereka, lantas input modal yang diperlukan adalah lebih kecil. Kenyataan ini benar jika sesebuah negara itu tidak membuat perbelanjaan modal yang besar untuk menjana nilai ditambah yang lebih tinggi daripada sumber aslinya, terutamanya untuk membangunkan aktiviti hiliran.

Mengapakah nisbah pelaburan terus menurun apabila sesebuah ekonomi bertambah maju?


Sebagaimana dipaparkan oleh Rajah 1, negara perindustrian cenderung mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah dan stabil, dengan nisbah tersebut bertumpu ke arah lingkungan lebih kecil antara 15-25% daripada KDNK, kecuali Jepun (20-35%). Ini mungkin berpunca daripada peranan sektor perkhidmatan yang lebih besar apabila sesebuah ekonomi itu menjadi lebih maju. Hakikatnya, sungguhpun sifat sektor perkhidmatan kurang berintensif modal, tetapi ia berupaya mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi daripada sektor perkilangan

Rajah 2
Corak Pelaburan Negara sepanjang Peningkatan Tahap Pembangunan

Plot selerak



Pelaburan yang mungkin dilalui sepanjang tahap pembangunan



secara relatif. Tidak seperti sektor perkilangan yang berorientasikan eksport, sektor perkhidmatan lebih berkaitan dengan, dan juga lebih bergantung pada perbelanjaan penggunaan swasta. Malah, penggunaan swasta lebih tinggi di negara maju sejajar dengan paras pendapatan penduduknya yang tinggi, yang merupakan satu daripada penentu utama perbelanjaan penggunaan swasta.

Nisbah pelaburan negara membangun Asia cenderung untuk berada dalam lingkungan yang lebih luas, iaitu 10-45% daripada KDNK. Selain itu, nisbah pelaburan negara-negara berkenaan juga mudah turun naik berbanding dengan negara perindustrian. Hal ini mungkin disebabkan oleh ciri negara-negara tersebut yang pelbagai, dari segi tahap keterbukaan, struktur pengeluaran, dasar pelaburan, serta komposisi modal dan guna tenaganya. Sebagai contoh, sebuah ekonomi yang lebih terbuka sering kali dikaitkan dengan nisbah pelaburan yang lebih tinggi pada mana-mana paras pendapatan per kapita, namun negara berkenaan mungkin lebih mudah terdedah kepada turun naik dalam permintaan luaran.

Adakah wujud trend tersendiri bagi nisbah pelaburan kepada KDNK pada peringkat pembangunan negara yang berbeza?
Sungguhpun wujud kepelbagaian yang ketara dalam kalangan negara yang dinyatakan di atas, namur jelas terdapat trend lazim dari segi nisbah pelaburan kepada KDNK apabila negara-negara berkenaan beralih daripada suatu peringkat pembangunan ekonomi kepada peringkat pembangunan yang lain, seperti dipaparkan dalam Rajah 2[1].

[1] Kecuali beberapa pemerhatian terakhir pada rajah plot selerak yang berkaitan dengan ekonomi yang mempunyai pendapatan per kapita paling tinggi, garis trend pada rajah itu hampir-hampir menyamai laluan yang diunjurkan pada rajah kedua.

Pertama, negara berpendapatan rendah cenderung untuk mencatat peningkatan pesat dalam nisbah pelaburan kepada KDNK. Ini kerana, pada peringkat awal pembangunan, negara-negara tersebut perlu membina infrastruktur asas dan yang perlu seperti rangkaian jalan raya dan pengangkutan supaya pasaran utama dapat dihubungkan dan berfungsi dengan baik. Ini memerlukan pelaburan permulaan yang besar. Di samping itu, aktiviti ekonomi lazimnya tertumpu pada pengeluaran komoditi berintensif pekerja dan aktiviti pemasangan asas. Oleh itu, meskipun jumlah pelaburan yang terlibat mungkin lebih kecil, bahagian pelaburan kepada KDNK adalah lebih besar. Selain itu, peningkatan nisbah pelaburan kepada KDNK mencerminkan kos pemerolehan teknologi terkini daripada syarikat asing di negara yang lebih maju. Kaedah pemerolehan teknologi sebegini merupakan cara yang lebih cepat untuk mencapai pembangunan yang lebih tinggi.

Seterusnya, pola pelaburan menjadi stabil pada peringkat pendapatan sederhana. Apabila aktiviti ekonomi menjadi lebih canggih dan mula menumpukan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam rantaian penawaran, negara berkenaan perlu menambah baik dan menaik taraf infrastruktur mereka termasuk penyediaan pelabuhan yang lebih moden dan berkapasiti lebih tinggi, selain sektor telekomunikasi dan infrastruktur utiliti yang lebih baik. Di samping itu, struktur industri negara-negara berkenaan juga mungkin memerlukan pelaburan yang besar. Sebagai contoh, peralihan daripada aktiviti pemasangan yang mudah kepada penghasilan wafer memerlukan pelaburan yang besar. Ini kerana proses baharu itu memerlukan jentera dan input yang berbeza dan pastinya berkos tinggi.

Akhir sekali, negara maju cenderung mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah, umumnya disebabkan oleh peralihan ke arah sektor perkhidmatan dan perbelanjaan penggunaan yang lebih besar, yang akan menghasilkan nisbah penggunaan kepada KDNK yang lebih tinggi. Negara-negara ini juga mempunyai sektor perkhidmatan yang lebih besar lagi cekap, yang dapat memenuhi keperluan ekonomi domestik mereka. Memandangkan sektor perkhidmatan lazimnya kurang berintensif modal, maka sumbangan keseluruhan pelaburan kepada KDNK adalah lebih kecil. Satu lagi faktor penyumbang ialah pemindahan aktiviti pengeluaran negara maju yang mempunyai nilai ditambah lebih rendah ke luar negara sebagai strategi untuk terus berdaya maju melalui kos pengeluaran yang lebih rendah. Firma-firma masih mengekalkan sebahagian daripada rantaian penawaran pengeluaran dalam ekonomi maju, terutamanya aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi kerana ekonomi maju giat menggalakkan inovasi dan aktiviti berasaskan pengetahuan. Dengan itu, perbelanjaan pelaburan di negara-negara tersebut lebih tertumpu pada usaha meningkatkan pembelajaran dan inovasi, berbanding perbelanjaan terhadap jentera berat dan input modal fizikal.

Bagi Malaysia, pada peringkat awal pembangunannya, aktiviti ekonomi utama lebih menjurus kepada usaha memanfaatkan sumber aslinya yang kaya. Pada peringkat pembangunan itu, Malaysia amat bergantung pada sektor berasaskan sumber asli melalui pengeluaran dan pengeksportan komoditi utama, seperti getah, timah dan diikuti pula oleh minyak sawit dan minyak mentah. Kebanyakan perbelanjaan pelaburan adalah untuk membangunkan dan meningkatkan tanaman pertanian berhasil tinggi di samping penyediaan infrastruktur asas oleh sektor awam. Krisis ekonomi global pada awal tahun 1980an mendorong Kerajaan mempelbagaikan sumber pertumbuhan negara dan melaksanakan strategi perindustrian berorientasikan eksport. Tumpuan pembangunan kepada sektor perkilangan berintensif modal menarik lebih banyak pelaburan swasta, terutamanya aliran masuk FDI, yang meningkatkan sumbangan sektor perkilangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan awam berterusan apabila Kerajaan, melalui pelaksanaan rancangan penswastaannya, melaksanakan langkah menambah baik dan menaik taraf infrastruktur, seperti jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, telekomunikasi dan utiliti. Hasilnya, pelaburan mencapai tahap tertinggi 43.6% daripada KDNK pada tahun 1995. Bagaimanapun, selepas berakhirnya Krisis Kewangan

Asia tahun 1997-98, nisbah pelaburan kepada KDNK menurun sebelum menjadi stabil pada paras lebih rendah apabila sektor perkhidmatan yang kurang berintensif modal menjadi semakin penting, manakala projek infrastruktur sektor awam yang besar, yang kebanyakannya dimulakan sebelum tercetusnya Krisis berkenaan, siap dibina.

Kesimpulan

Ringkasnya, rencana ini menganalisis pola pelaburan negara-negara pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza, dan bukannya mengikut masa. Beberapa pemerhatian terserlah daripada analisis ini. Pertama, nisbah pelaburan kepada KDNK antara negara adalah luas julatnya, meskipun negara-negara berkenaan tergolong dalam lingkungan pendapatan yang sama. Ini menunjukkan bahawa wujud faktor-faktor lain selain paras pendapatan yang mempengaruhi nisbah pelaburan. Strategi pembangunan dan perindustrian, peranan sektor awam dan sumber asli sesebuah negara merupakan faktor penentu yang penting. Kedua, nisbah pelaburan bagi negara-negara yang lebih maju cenderung menjadi stabil pada kadar yang lebih rendah. Ini sebahagian besarnya mencerminkan peralihan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi tetapi kurang berintensif modal, selain aktiviti berkaitan perkhidmatan. Akhir sekali, wujud pola umum nisbah pelaburan kepada KDNK apabila negara-negara berubah sejajar dengan peringkat pembangunan yang berlainan, sebagaimana yang diukur oleh paras pendapatan per kapita – pertumbuhan pesat pelaburan pada peringkat awal pembangunan negara, diikuti nisbah pelaburan yang stabil apabila negara berkenaan mencapai paras pendapatan sederhana, sebelum menjurus kepada nisbah pelaburan yang lebih rendah apabila pembangunan yang lebih maju berjaya dicapai.